



PARLIMEN KEEMPAT BELAS



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA DAN UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU),
JABATAN PERDANA MENTERI BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG**

**PERKHIDMATAN RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI
BERSEPADU KERAJAAN (MYGOV*NET)**

DR. 19 TAHUN 2022



AHLI-AHLI

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

1. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] **- Pengerusi**
2. YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] **- Naib Pengerusi**
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
5. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
6. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
7. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
8. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]
9. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
10. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
11. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
12. YB. Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
13. YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]
14. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin **- Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat**

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC

(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
6. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
7. Unit Perancang Ekonomi (EPU)

MUKA SURAT 1 - 3

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 4

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 5 - 8


**TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR PAC
PARLIMEN**

MUKA SURAT 8

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

KANDUNGAN



**LAPORAN TINDAKAN
SUSULAN BERHUBUNG
PERKHIDMATAN
RANGKAIAN
TELEKOMUNIKASI
BERSEPADU KERAJAAN
(MYGOV*NET)**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
DAN**

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN
MALAYSIA (MAMPU), JABATAN PERDANA MENTERI
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN**

BERHUBUNG

**PERKHIDMATAN RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN
(MYGOV*NET)**

1 LATAR BELAKANG

- 1.1 Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen (PAC) membentangkan Laporan PAC Parlimen (DR. 3/2022) bertajuk Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net) yang dilaksanakan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), pada 22 Mac 2022.
- 1.2 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan tiga (3) syor yang perlu diambil tindakan oleh MAMPU, JPM iaitu:
 - i. **Kerajaan perlu menilai keberkesanan MyGov*Net dalam sistem penyampaian Kerajaan sebelum membuat keputusan sama ada hendak menaik taraf sistem sedia ada atau digantikan dengan satu sistem baharu setelah pengakhiran kontrak pada tahun 2022.**
 - ii. **Kerajaan hendaklah memastikan konsep *Pay-Per-Use*, sekiranya diperkenalkan, akan memanfaatkan Kerajaan daripada segi penjimatan kos.**
 - iii. **MAMPU haruslah diperkasakan daripada segi fungsi, peranan dan kepakaran sebagai satu Jabatan Teknikal ICT Kerajaan berpusat.**
- 1.3 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b), tindakan susulan perlu diambil JPM selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.
- 1.4 Kementerian Kewangan (MOF) telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Terhadap Syor-Syor Laporan PAC Bagi Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net) kepada PAC pada 25 April 2022. Seterusnya, pada 20 Julai 2022, MOF & JPM sekali lagi

telah menghantar Laporan Tindakan Susulan Muktamad MOF dan JPM Terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen.


- 1.5 Sehubungan itu, melalui mandat dan punca kuasa yang diberikan di bawah 83(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Arahan Perbendaharaan 304 (b) dan Seksyen III (11) (b) Pekeliling Am 1982, Organisasi Kementerian-kementerian, PAC Parlimen telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung MyGov*Net oleh MAMPU, JPM, pada 27 Julai 2022.
- 1.6 MOF mengadakan Lawatan Verifikasi bagi menguji keberkesanan perkhidmatan MyGov*Net pada 30 Jun 2022 membabitkan tujuh (7) agensi kerajaan di Kuching, Sarawak. Antara agensi yang dilawati ialah Pusat Transformasi Bandar (UTC), Kuching, Sarawak dan Pejabat Perbendaharaan Malaysia, Sarawak.
- 1.7 Lawatan ini adalah untuk membuktikan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan melalui sistem aplikasi kerajaan yang dicapai melalui perkhidmatan MyGov*Net, dan rata-rata pengguna yang ditemui mengesahkan keberkesanan penggunaan MyGov*Net dan berpuas hati dengan perkhidmatan tersebut di pejabat masing-masing.
- 1.7 Kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil Pegawai Pengawal terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen (DR. 3/2022) diringkaskan seperti jadual berikut:

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PERKHIDMATAN RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN (MYGOV*NET)

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	22 Mac 2022/ 10:00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2	24 Mac 2022	Surat PAC Parlimen rujukan PAR/PAC.3/25/15/3 (16) berserta Laporan PAC Parlimen (DR. 3/2022) dan syor-syornya dikemukakan kepada MOF dan JPM
3.	25 April 2022	Laporan Tindakan Susulan Interim telah dikemukakan oleh MOF
4.	30 Jun 2022	Lawatan Verifikasi Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal di Kuching, Sarawak
5.	20 Julai 2022	Laporan Tindakan Susulan Muktamad dikemukakan oleh MOF dan JPM.
6.	27 Julai 2022/ 10.00 pagi	<p>Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 3/2022)</p> <p>Saksi:</p> <p>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) i. YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidon [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]</p> <p>Jabatan Perdana Menteri (JPM) i. YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]</p> <p>Unit Pemodenan Tadbiran dan Tadbiran Pengurusan Malaysia (MAMPU) i. YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail [Ketua Pengarah]</p>

2 PENDAHULUAN

- 2.1 Perkhidmatan MyGov*Net ialah infrastruktur khusus yang menghubungkan agensi-agensi Kerajaan bagi capaian perkhidmatan dalam talian. Perkhidmatan MyGov*Net telah dilaksanakan pada bulan Januari 2013 sebagai kesinambungan daripada perkhidmatan rangkaian EG*Net yang bermula sejak tahun 1999.
- 2.2 Antara isu utama yang telah dibangkitkan berkaitan perkhidmatan ini ialah kadar kecekapan perkhidmatan yang telah diberikan, serta isu-isu berkaitan kontrak bernilai RM4.368 bilion yang telah dibuat oleh kerajaan bersama kontraktor.
- 2.3 Oleh itu, PAC Parlimen telah membincangkan isu ini pada 23 November 2021 melalui Prosiding Parlimen Bilangan 10 dan 10(a) 2021 bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pengurusan perkhidmatan rangkaian MyGov*Net dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif pelaksanaannya.



**TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC**

3 TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

3.1 Syor 1: Kerajaan perlu menilai keberkesanan MyGov*Net dalam sistem penyampaian Kerajaan sebelum membuat keputusan sama ada hendak menaiktaraf sistem sedia ada atau digantikan dengan satu sistem baharu setelah pengakhiran kontrak pada tahun 2022.

Maklum Balas MAMPU, JPM

Penilaian keberkesanan MyGov* Net

3.1.1 Bagi melihat keberkesanan perkhidmatan MyGov*Net, Kerajaan telah melaksanakan Kajian Impak MyGov*Net setiap tiga (3) tahun sekali iaitu pada tahun 2015, 2018 dan 2021. Kajian Impak MyGov*Net terkini yang dilaksanakan pada tahun 2021 memfokuskan ke atas 3 skop utama iaitu:

- a. *Service Effectiveness, Capabilities;*
- b. *Network Service Performance; and*
- c. *Security.*

3.1.2 Hasil kajian mendapati MyGov*Net membantu agensi Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan kepada rakyat, menyokong usaha-usaha pendigitalan dan meningkatkan produktiviti agensi tanpa gangguan kepada perkhidmatan kritikal. Kajian juga mendapati MyGov*Net mencapai *Service Level Agreement (SLA)* yang cemerlang dengan hampir tiada *downtime* dan sentiasa bersedia dengan bantuan 24/7 sekiranya berlaku kerosakan. Ia disokong oleh prestasi kelajuan dan

keselamatan MyGov* Net yang berada di tahap cemerlang dan terus meningkat dari segi perbandingan dengan permarkahan kajian impak yang telah dijalankan pada tahun 2018.

3.1.3 Selain daripada Kajian Impak MyGov*Net, Kerajaan juga melaksanakan Kajian Kepuasan Pengguna (*Customer Satisfaction Index, CSI*) MyGov*Net setiap tahun bagi mengukur tahap kepuasan dan pengalaman sebenar pengguna.

3.1.4 Secara keseluruhannya, sepanjang 10 tahun pelaksanaan perkhidmatan MyGov*Net, **tahap kepuasan pengguna ke atas perkhidmatan MyGov*Net adalah amat memuaskan.** Pencapaian indeks CSI untuk tahun 2020 dan 2021 adalah melebihi purata peringkat global +50 berdasarkan penandaarasan *Net Promoter Score* (NPS). Pencapaian Indeks Kepuasan Pengguna (CSI) MyGov*Net bagi tahun 2013 hingga 2021 adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN KAJIAN	METODOLOGI PENYELIDIKAN	MARKAH (%)	CATATAN
1.	2013	TRIM	80	Top 10%
2.	2014	TRIM	80	Top 10%
3.	2015	TRIM	76	Average
4.	2016	TRIM	88	Top 10%
5.	2017	TRIM	87	Top 10%
6.	2018	TRIM	91	Top 10%
7.	2019	TRIM	95	Top 10%
8.	2020	NPS	+50	Global
9.	2021	NPS	+58	Global

- 3.1.5 Metodologi kajian kepuasan pelanggan iaitu TRIM telah dilaksanakan dari tahun 2013 hingga 2019 manakala NPS mula dilaksanakan mulai tahun 2020 hingga kini. NPS adalah metrik penyelidikan pasaran yang telah digunakan secara meluas oleh perunding seluruh dunia bagi mengukur tahap kepuasan pelanggan. Ianya telah digunapakai di lebih 114 syarikat telekomunikasi meliputi 75 negara. Antara syarikat telekomunikasi di Malaysia yang telah mengunapakai NPS adalah Maxis, Celcom, TIME, Axiata dan Digi.
- 3.1.6 Sebagai langkah pengukuhan keselamatan siber, MyGov*Net dilengkapi dengan *Security Operation Centre (SOC)* yang merupakan pusat pemantauan ancaman keselamatan siber secara 24 jam. SOC juga berperanan menyediakan notifikasi, khidmat nasihat dan laporan mengenai keselamatan siber kepada agensi Kerajaan yang menggunakan perkhidmatan MyGov*Net.
- 3.1.7 Perkhidmatan MyGov*Net telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dalam beberapa pertandingan di peringkat global iaitu *FutureGov Forum Malaysia 2014* sebagai pemenang anugerah *Digital Connectivity of the Year* dan *World Summit on the Information Society (WSIS)* anjuran *International Telecommunication Union (ITU)* bagi kategori *AL C2: Information and Communication Infrastructure* sebagai semi finalis (2018) dan finalis (2020).
- 3.1.8 Selain itu, pelaksanaan MyGov*Net secara bersepadu dan berpusat juga telah membolehkan MAMPU mengambil tindakan untuk menguruskan kos perkhidmatan secara efektif. Antara tindakan yang telah dilaksanakan bermula tahun 2021 hingga bulan Jun 2022,

sebanyak 28 lokasi ditamatkan perkhidmatan dan 471 lokasi talian dituruntaraf kelajuan disebabkan kadar penggunaan yang rendah. Sekiranya talian tidak ditamatkan, perbelanjaan adalah berjumlah RM584,133.67 dan talian tidak dituruntaraf perbelanjaan adalah berjumlah RM8,812,878.45.

- 3.1.9 Pihak MAMPU juga melaksanakan Program Lawatan Inspektorat secara berkala bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai kadar penggunaan talian yang rendah. Ada kalanya, kadar penggunaan yang rendah ini juga adalah disebabkan oleh masalah *local area network* (LAN), masalah server/aplikasi dan juga masalah komputer di pihak pengguna.

Hala Tuju Perkhidmatan MyGov*Net

- 3.1.10 Perkhidmatan MyGov*Net adalah projek *Public Private Partnership* (PPP) secara penswastaan berkonsepkan *Build-Operate-Own* (BOO) di mana Kerajaan tidak membeli sebarang aset (peralatan rangkaian), **tetapi menerima dan menggunakan perkhidmatan dari pembekal perkhidmatan.** Kerajaan tidak mengeluarkan sebarang modal kepada pembekal perkhidmatan, tetapi hanya **membayar untuk perkhidmatan yang telah dibekalkan.**

- 3.1.11 Setelah berakhirnya tempoh perjanjian konsesi pada 31 Disember 2022, perolehan pembekal perkhidmatan MyGov*Net akan dilaksanakan secara pembidaan terbuka melalui ***Request For Proposal (RFP)*** berdasarkan konsep konsesi jangka panjang selama 10 tahun. Memandangkan bilangan talian dan lokasi MyGov*Net adalah

melebihi 10,000 dan bagi memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas, Kerajaan juga mencadangkan agar pembekal perkhidmatan MyGov*Net sedia ada disambung perkhidmatannya **secara interim selama satu (1) tahun** atau sehingga perkhidmatan baharu dapat beroperasi dan diterima oleh Kerajaan.

3.1.12 Perolehan secara pembidaan terbuka melalui RFP dicadangkan untuk mencari penyelesaian (*solution*) yang paling tepat mengikut keperluan projek. Cadangan ini akan memberi manfaat kepada Kerajaan dengan justifikasi berikut:

- a. *value for money* kepada Kerajaan;
- b. memberi peluang kepada semua syarikat untuk mencadangkan perkhidmatan yang terbaik;
- c. peluang untuk engadaptasi teknologi rangkaian yang baharu bagi memenuhi keperluan pendigitalan yang semakin meningkat; dan
- d. meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai Kerajaan dengan penggunaan teknologi baharu.

3.1.13 Pihak MAMPU mencadangkan model BOO dikekalkan kerana:

- a. Telah terbukti dalam membantu dan memudahkan pihak Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan rangkaian Kerajaan;
- b. Pihak Kerajaan **tidak menanggung *Capital Expenditure (CAPEX)*** di dalam membangunkan infrastruktur rangkaian;
- c. Pihak Kerajaan hanya menanggung kos yang merangkumi perkhidmatan telekomunikasi seta pengurusan rangkaian dan pengoperasian perkhidmatan MyGov*Net berdasarkan kepada

perjanjian tahap perkhidmatan (Service Level Guarantee - SLG) yang telah dipersetujui;

- d. Pihak Kerajaan **tidak menanggung kos sumber manusia** yang dianggarkan lebih daripada 300 orang untuk melaksanakan pengoperasian MyGov*Net. MAMPU berfungsi sebagai badan kawal selia projek bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut terma kontrak; dan
- e. Pihak Kerajaan juga **tidak menanggung kos pengurusan dan penyelenggaraan aset serta *technology refresh***.

3.1.15 Cadangan konsep pelaksanaan projek ini akan dibincang semasa Bengkel Pengurusan Nilai (*Value Management Lab*).

3.1.16 Cadangan Perkhidmatan MyGov*Net akan dilaksanakan dengan perolehan secara pembidaan terbuka melalui RFP berdasarkan konsep konsesi jangka panjang selama 10 tahun. MyGov*Net sedia ada dilaksanakan secara interim dengan Syarikat GITN Sdn. Bhd. (GSB) selama satu (1) tahun atau sehingga perkhidmatan baharu dapat beroperasi dan diterima oleh Kerajaan.

3.1.17 Kesimpulan maklum balas MAMPU terhadap Syor 1:

a. MyGov*Net terbukti keberkesanannya dengan hasil pencapaian melalui:

- i. **Laporan Kajian Impak MyGov*Net pada tahun 2015,2018 dan 2021**
Hasil kajian mendapati MyGov*Net membantu agensi Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan kepada rakyat, menyokong usaha

pendigitalan dan meningkatkan produktiviti agensi tanpa gangguan kepada perkhidmatan kritikal.

ii. **Kajian kepuasan pengguna (Customer Satisfaction Index (CSI))**

Sepanjang 10 tahun pelaksanaan perkhidmatan MyGov*Net, tahap kepuasan pengguna ke atas perkhidmatan MyGov*Net adalah amat memuaskan.

iii. **Lawatan Verifikasi MyGov*Net di Sarawak melibatkan tujuh (7) Agensi Kerajaan**

Secara keseluruhannya, pengguna telah mengesahkan keberkesanan penggunaan perkhidmatan MyGov*Net di pejabat masing-masing dan berpuas hati dengan perkhidmatan MyGov*Net.

- b. Kontrak MyGov*Net akan tamat pada 30 Disember 2022. Hala tuju Kerajaan adalah **mengekalkan perkhidmatan MyGov*Net dengan perolehan secara pembidaan terbuka melalui *Request For Proposal (RFP)* berdasarkan konsep konsesi jangka panjang selama 10 tahun** (Rujuk Panduan pelaksanaan rangka kerja kerjasama awam swasta 3.0 (*Public Private Partnership 3.0 - PPP 3.0*) bertarikh 9 Jun 2022).

ULASAN PAC

PAC mengambil maklum tentang inisiatif yang telah dilakukan. PAC mahu kerajaan segera membuat keputusan mengenai hala tuju MyGov*Net memandangkan MAMPU hanya boleh meneruskan inisiatif yang dirancang apabila keputusan rasmi Jemaah Menteri diperolehi. MAMPU juga diingatkan jika kontrak baharu ditandatangani, kerja-kerja pemantauan kontrak perlu diselaraskan dengan baik. Selain itu, keahlian bagi jawatankuasa-jawatankuasa pemantau kontrak hendaklah terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran.

3.2 Syor 2: Kerajaan hendaklah memastikan konsep *Pay-Per-Use*, sekiranya diperkenalkan akan memanfaatkan Kerajaan daripada segi penjimatan kos.

Maklum balas MAMPU, JPM

3.2.1 Caj langganan yang digunakan sekarang adalah berdasarkan kepada kapasiti lebar jalur atau kelajuan Internet yang dibekalkan oleh *service provider* bergantung kepada infrastruktur teknologi yang digunakan seperti yang termaktub dalam perjanjian. Kaedah caj langganan ini adalah sama seperti langganan Internet Unifi atau IPTV Astro di rumah.

3.2.2 MAMPU sedang mengkaji caj langganan yang berasaskan kepada kadar penggunaan atau lebih dikenali sebagai *pay-per-use*. Caj ini adalah sama seperti bil elektrik dan bil air oleh pembekal utiliti. *Cost and benefit analysis* perlu diteliti memandangkan caj langganan seperti ini tidak digunakan untuk *fixed line network*.

3.2.3 Sekiranya konsep *pay-per-use* ini lebih ekonomi, *cost effective* dan menguntungkan Kerajaan untuk jangka masa yang panjang, maka konsep ini akan diperkenalkan dalam perjanjian konsesi yang baru.

3.2.4 Kajian kesauran (*feasibility study*) konsep *pay-per-use* dijangka akan mengambil masa selama 3 bulan bermula September 2022.

ULASAN PAC

PAC mengambil maklum dan menyambut baik segala usaha MAMPU bagi memastikan setiap dana daripada kerajaan dapat digunakan secara berhemah.

3.3 Syor 3: MAMPU haruslah diperkasakan daripada segi fungsi, peranan dan kepakaran sebagai satu Jabatan Teknikal ICT Kerajaan berpusat.

Maklum balas MAMPU, JPM

3.3.1 Pemerksaan MAMPU sebagai Jabatan Teknik akan menumpukan perubahan peranan dan tadbir urus perolehan ICT di mana MAMPU dan agensi akan menyediakan keperluan penyelesaian digital (*Technical Service Design*) di peringkat perancangan projek sebelum permohonan bajet. Keperluan tersebut megambil kira keperluan *value for money* dari segi pengurangan pertindihan fungsi sistem yang sama dan aplikasi yang bersepadu dan berintegrasi serta keperluan konsolidasi infrastruktur ICT. Dari aspek perolehan ICT yang anjal, Jabatan Teknik akan melaksanakan perolehan ICT melalui kaedah Kontrak Sistem Panel bagi mengelakkan ber!aku *vendor driven*.

3.3.2 Mesyuarat Jawatankuasa MyDIGITAL Kluster Kerajaan Bil. 1/2022 pada 10 Mac 2022 telah memutuskan kertas cadangan pemerksaan MAMPU sebagai Jabatan Teknik telah dikemukakan secara edaran kepada YBhg. Ketua Setiausaha Negara (KSN), YBhg. Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) dan YBhg. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) pada 24 Januari 2022. Kertas ini secara prinsipnya telah dipersetujui oleh YBhg. KSN dan pihak MOF dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga telah mengemukakan maklum balas berkaitan.

3.3.3 MAMPU sebagai Jabatan Teknik telah dibincangkan dengan YBhg. KPPA pada 4 April 2022. Sebagai gerak kerja awal, MAMPU akan memperhalusi model bentuk Jabatan Teknik dengan melaksanakan pilot Kontrak Sistem Panel projek pengkomputeran awan yang merupakan salah satu kriteria bagi melihat kapasiti dan kepakaran MAMPU sebagai Jabatan Teknik.

3.3.4 Kronologi keputusan pemerksaan MAMPU sebagai agensi tunggal digital sektor awam dan Jabatan Teknik bermula dari tahun 1996.

a. Peranan Jabatan Teknik Digital Sektor Awam telah dibincangkan pada tahun 1996 dalam mesyuarat Jemaah Menteri Bil 279/96 pada 28 Ogos 1996. YAB Perdana Menteri telah bersetuju kajian bertajuk *Government Integrated IT Services* yang mencadangkan penubuhan Jabatan Teknologi Maklumat dan pemerksaan Perkhidmatan Teknologi Maklumat Sektor Awam.

b. Pada 7 April 2017, MAMPU telah membentangkan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) mengenai Pemusatan Pengurusan dan Pengoperasian ICT Sektor Awam dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Jemaah Menteri telah bersetuju dan meluluskan semua perkara yang dibentangkan merangkumi lima (5) perkara berikut:

i. Pemerksaan peranan MAMPU sebagai agensi pusat dalam perancangan dan hala tuju strategik ICT Sektor Awam bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan ICT sebagai agenda negara;

- ii. Pengukuhan tadbir urus dan struktur pengurusan ICT dengan penurunan kuasa kepada MAMPU sebagai Pegawai Pengawal bagi memantapkan proses perolehan;
 - iii. Pengukuhan perancangan, pengurusan dan pengoperasian ICT Sektor Awam dengan memastikan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Kementerian dipertanggungjawabkan kepada Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) yang bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Pegawai Maklumat Kerajaan (GCIO) di MAMPU;
 - iv. Pemantapan Pengurusan Sumber Manusia ICT dengan pengambilan sumber manusia ICT melalui kaedah Kontrak Untuk Perkhidmatan (Contract for Service) yang lebih anjal dan keperluan sumber manusia ICT dilaksanakan melalui kaedah pengagihan semula (deployment) atau tukar ganti (trade off); dan
 - v. Pemantapan Perancangan dan Pelaksanaan Projek ICT Sektor Awam di mana projek ICT berskala besar atau merentasi agensi akan dipusatkan di MAMPU dan projek selain daripada itu akan dilaksanakan oleh agensi dengan dikawal selia oleh MAMPU.
- c. Pada 11 Oktober 2017, MAMPU telah membentangkan Pelan Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan dan Jemaah Menteri telah bersetuju dengan transformasi tadbir urus pendigitalan merangkumi tumpuan kepada tadbir urus strategik perkhidmatan digital Kerajaan dan MAMPU perlu ditransformasikan menjadi peneraju Pelan Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan supaya mempertingkatkan dan mengubah kaedah penyampaian

perkhidmatan Kerajaan yang berbentuk konvensional kepada yang lebih inovatif.

- d. Lawatan Penandaarasan oleh Kerajaan Malaysia ke *Government Technology Agency of Singapore (GovTech)* pada 29-30 Oktober 2017 dan *Government Digital Services (GOS)* United Kingdom pada 19 - 23 November 2017 telah dilaksanakan bagi mencadangkan model institusi Agensi Pendigitalan Sektor Awam yang sesuai serta kapabiliti dan kapasiti yang perlu ada sebagai agensi tunggal digital sektor awam. Negara-negara ini disifatkan mempunyai sokongan yang kukuh dari segi tadbir urus dan polisi yang merencanakan hala tuju ekonomi digital di mana Singapura dan United Kingdom masing-masing di kedudukan ke-6 dan ke-8 dalam *Digital Evolution Index (DEI)* 2017. Susulan daripada itu, MAMPU turut melaksanakan libat urus dengan semua agensi kerajaan berkaitan digital pada 19 Januari dan 27 Februari 2018 bagi mendapatkan maklum balas terhadap cadangan model Agensi Pendigitalan Sektor Awam.
- e. Hasrat MAMPU sebagai agensi pendigitalan turut dinyatakan dalam satu memorandum mencadangkan penubuhan Agensi Pendigitalan Sektor Awam Berperanan sebagai Agensi Khusus Peneraju Penyampaian Perkhidmatan ICT/Digital Sektor Awam atau Jabatan Teknik Digital yang telah dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri pada 5 Disember 2018. Memorandum tersebut dikemukakan oleh tiga pertubuhan utama di bawah skim perkhidmatan Sistem Maklumat susulan kepada MJM Pemusatan dan MJM Pendigitalan

pada tahun 2017. Susulan daripada memorandum tersebut, pada 7 Oktober 2019, YAB Perdana Menteri bersetuju supaya MAMPU mengemukakan cadangan kajian penstrukturan semula MAMPU berserta anggaran kos terlibat untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

- f. Selanjutnya Mesyuarat Pasca Kabinet Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3 Tahun 2020 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 telah bersetuju supaya MAMPU berperanan sebagai pemudahcara bagi mempercepatkan pelaksanaan inisiatif e-Kerajaan (Kerajaan Digital) kepada sektor awam dan sektor swasta untuk menerajui *digital adoption* di peringkat nasional. Antaranya agensi kerajaan boleh mendapatkan khidmat nasihat MAMPU sekiranya infrastruktur ICT sedia ada tidak mencukupi.
- g. Seterusnya Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Ogos 2020 telah meluluskan penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara (MED4IRN) dan pelaksanaannya pada 19 Februari 2021 bersekali dengan pelancaran MyDigital. Tadbir urus MyDigital melibatkan tiga peringkat utama iaitu peringkat MED4IRN dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Jawatankuasa peringkat Kluster dan Jawatankuasa Pemandu.
- h. Jawatankuasa peringkat Kluster dipengerusikan oleh Menteri berkaitan enam Kluster iaitu Bakat Digital, Infrastruktur Digital dan Data, Teknologi Baru Muncul, Ekonomi, Masyarakat dan Kerajaan. Jawatankuasa Peringkat Kluster Kerajaan telah

dipertanggungjawabkan kepada KSN sebagai pengerusi dan MAMPU sebagai sekretariat selaku penasihat teknikal untuk pembangunan dasar dan cadangan mengenai perkara-perkara berkaitan 4IR dan ekonomi digital negara mengikut Kluster Kerajaan. MAMPU turut menjadi ahli Jawatankuasa Peringkat Kluster Infrastruktur Digital dan Data

- i. Selaras dengan itu, MyDigital telah mensasarkan pada tahun 2022 supaya MAMPU ditransformasikan sebagai agensi tunggal bagi memacu pendigitalan Sektor Awam sebagai Inisiatif Pertama, Strategi Pertama di bawah Teras Pertama iaitu Memacu Transformasi Digital Sektor Awam. Antara lain, MyDigital turut menyatakan tiga fokus utama pendigitalan sebagai peneraju Kluster Kerajaan iaitu:
 - i. Pelaksanaan inisiatif transformatif untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan digital sektor awam;
 - ii. Pelaksanaan perkongsian data antara agensi sektor awam dan swasta dalam persekitaran yang selamat ; dan
 - iii. Peningkatan keupayaan dan kemahiran digital penjawat awam.
- j. Susulan daripada keputusan Jemaah Menteri berkaitan Kajian Dasar Monopoli Bagi Perkhidmatan dan Bekalan Projek E Khidmat pada 11 Oktober 2019, Kementerian Kewangan mendapati keputusan dan hala tuju Kerajaan yang mengutamakan saingan terbuka bagi meningkatkan ketelusan, integriti dan tadbir urus supaya Kerajaan dan rakyat mendapat nilai faedah terbaik, adalah selari dengan penambahbaikan perolehan ICT Kerajaan.

- k. Sehubungan dengan itu, pada 10 Jun 2020, Kementerian Kewangan telah memaklumkan kepada MAMPU berhubung kajian keperluan untuk menjadikan MAMPU sebagai Jabatan Teknik bagi memperkasakan MAMPU dalam perolehan kerja daripada aspek berikut:
- i. MAMPU sebagai *focal point* kepada syarikat tempatan yang ingin mendapatkan maklumat teknikal berkaitan infrastruktur dan ekosistem digital Kerajaan;
 - ii. MAMPU sebagai Jabatan Teknik untuk perolehan ICT sepertimana peranan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di bawah Arahan Perbendaharaan AP182 bagi perolehan kerja; dan
 - iii. Pemeriksaan AP287 bagi Kementerian/Jabatan merujuk dan mendapatkan kelulusan dari segi teknikal daripada MAMPU sebelum membuat perolehan perkakasan dan perisian ICT bagi semua projek ICT.
- l. Selanjutnya pada 13 Julai 2020, Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya MAMPU berperanan sebagai agensi digital sektor awam yang berfungsi merancang ekosistem digital secara holistik dan menentukan keperluan digital sebenar sektor awam yang menyeluruh bagi keperluan semua Kementerian/Agensi. Bagi maksud tersebut, Kementerian Kewangan bersetuju supaya MAMPU melaksanakan Penambahbaikan Lanskap Pengurusan dan Perolehan Digital/Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam melalui:

- i. Cadangan Pengiktirafan MAMPU ke Arah Jabatan Teknik Kerajaan sebagaimana AP182;
 - ii. Penurunan kuasa kepada MAMPU untuk melaksanakan Kontrak Sistem Panel berkaitan item/perkhidmatan ICT yang dikenali sebagai *framework agreement*;
 - iii. MAMPU sebagai *focal point* kepada syarikat tempatan yang ingin menawarkan perkhidmatan digital kepada Kerajaan; dan
 - iv. MAMPU sebagai pelaksana perolehan perkhidmatan *Cloud* melalui tender terbuka secara *Request For Proposal (RFP)*.
- m. Lanjutan daripada itu, pada tahun 2021, libat urus pemerkasaan MAMPU sebagai Jabatan Teknik telah dilaksanakan bersama pengurusan dan pegawai MAMPU serta Pengurus Teknologi Maklumat di 27 Kementerian. Manakala sindikasi bersama agensi-agensi berkaitan Jabatan Teknik Digital telah dilaksanakan melibatkan Pasukan Pengurusan Perubahan Strategik (*Strategic Change Management Office - SCMO*) Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kewangan (MOF), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JKR, JPS serta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- n. Selain daripada inisiatif di bawah MyDigital Kluster Kerajaan, pelaksanaan agenda pendigitalan Kerajaan bagi tempoh lima (5) tahun dipandu secara strategik oleh Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 yang telah dibangunkan oleh MAMPU. PSPSA tersebut menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan yang memberi penekanan kepada pengukuhan kepintaran data dan perkhidmatan terangkum dan selamat merentas agensi bagi mendaya

upaya sistem penyampaian yang berimpak tinggi. Pelan ini turut menggariskan strategi dan program sebagai panduan kepada kementerian dan agensi dalam perancangan serta pelaksanaan inisiatif digital di agensi masing-masing. Penekanan turut diberikan terhadap tadbir urus perolehan yang mantap.


Ulasan PAC

PAC mengambil maklum bahawa MAMPU adalah sebuah Jabatan Teknik yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus ICT Kerajaan. Kerajaan perlu menyediakan sokongan kewangan dan sumber manusia yang mencukupi untuk memperkasakan peranan MAMPU.

MAMPU hendaklah meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan keselamatan siber seperti Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan CyberSecurity Malaysia (CSM) dalam mendepani isu-isu berkaitan keselamatan siber yang boleh menggugat penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat.

4 PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen (DR. 3/2022) selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304(b) (Pindaan 2008).



**LAPORAN PROSIDING
(HANSARD)
TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA
RABU, 27 JULAI 2022**



LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 27 Julai 2022

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Laporan Tindakan Susulan JPM terhadap
Syor PAC Parlimen berhubung Perkhidmatan
Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan**

Kementerian Kewangan (MOF)

- YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidon,
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Jabatan Perdana Menteri (JPM)

- YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail,
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

- YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail,
Ketua Pengarah

**PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 27 JULAI 2022**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] - Timbalan Pengerusi
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YB. Dato Haji Salim Sharif [Jempol]
YB. Dato Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]
YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara

Encik Azrol Hisham bin Azulan [Ketua Unit (Unit Teknologi Maklumat dan Kewangan)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Aznirul Fariz bin Alwi [Ketua Penolong Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Bahagian Perkhidmatan Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas (ULKAN & OK)]

Kementerian Kewangan

Encik Zainudin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK)]

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK)]

Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK)]

Jabatan Audit Negara

Puan Norhanani binti Lias [Penolong Pengarah Sektor Audit Prestasi]

Encik Mohd Shakib bin Ishak [Penolong Pengarah]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Azeman bin Miskah [Timbalan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi dan Agensi]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Tuan Zulhairy bin Zaidel [Penolong Ketua Pesuruhjaya]

Tuan Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya]

Tuan Mohd Zaidi bin Zainal [Penguasa]

Unit Perancang Ekonomi

Puan Es Zemila binti Abdullah [Timbalan Pengarah Bahagian K-Ekonomi]

Cik Sandra Ch'ng Zhia Lim [Ketua Penolong Pengarah Transformasi Penyampaian Perkhidmatan]

SAKSI

Kementerian Kewangan (MOF)

YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidon [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

Jabatan Perdana Menteri (JPM)

YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]

Puan Hafiza binti Yaakob [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Audit Dalam)]

Encik Norazmi bin Ibrahim [Ketua Seksyen Audit 7 (Bahagian Audit Dalam)]

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail [Ketua Pengarah]

YBrs. Dr. Nor'ashikin binti Ujang [Pengarah Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT (MAMPU)]

TS Dr. Siti Istianah binti Mahdzur [Pakar ICT (Bahagian Perundingan ICT)]

Puan Hamidah binti Mat Saat@Abas [Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT]

Puan Cik Nora binti Salleh [Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT]

Puan Zaiha binti Mat Nor [Timbalan Pengarah Bahagian Perundingan ICT]

Puan Kamisah binti Pardi @ Abd Aziz [Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT]

Encik Aimi Fadzi bin Mokhtar [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT]

Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)

Encik John Patrick Antonyamy [Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan II)]

Encik Azizi bin Salim [Penolong Pengarah Kanan (Seksyen Sosial II)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KELIMA

Rabu, 27 Julai 2022

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.39 petang

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Salam sejahtera, selamat petang saya ucapkan kepada ahli-ahli mesyuarat sekalian dan juga ahli-ahli *ex-officio* yang hadir pada petang ini. Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, prosiding tindakan susulan pegawai pengawal pada petang ini adalah membabitkan syor PAC dalam Laporan Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan atau dikenali sebagai MyGov*Net di bawah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Laporan PAC ini dibentangkan di Parlimen pada 22 Mac 2022 selepas jawatankuasa ini mengadakan prosiding pada 23 September 2021. Memandangkan isu MyGov*Net dilaporkan dalam LKAN tahun 2018, PAC menggunakan punca kuasa kita di bawah Arahan Perbendaharaan 304(b) dan Peraturan Mesyuarat 83(2) untuk memanggil saksi-saksi hadir di hadapan jawatankuasa ini.

Pada petang ini, sekali lagi hadir di hadapan PAC adalah Yang Berbahagia Datuk Seri Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP); Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah (KP) MAMPU. Terima kasih kepada kesemua saksi kerana hadir dalam prosiding tindakan susulan pada pagi ini.

Dalam kes ini, pihak sekretariat telah memaklumkan kepada kami bahawa MOF bertindak sebagai agensi penyelaras untuk laporan PAC bagi isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Pada masa yang sama, MOF juga menyelaras lawatan bagi tujuan verifikasi syor laporan PAC iaitu membabitkan lawatan verifikasi ke jabatan Kerajaan Persekutuan di Kuching, Sarawak pada 30 Jun 2022. Bagi pihak PAC, saya mengucapkan terima kasih atas tindakan proaktif MOF dalam memastikan semua pegawai pengawal memberikan maklum balas dan mengadakan tindakan susulan terhadap syor-syor yang dikemukakan. Tanpa

membuang masa, saya dengan ini menjemput Yang Berbahagia Datuk Seri KSP untuk memulakan pembentangan maklum balas serta tindakan susulan terhadap tiga syor PAC dalam laporan PAC berhubung dengan MyGov*Net. Dipersilakan Yang Berbahagia Datuk Seri.

Datuk Seri Asri bin Hamidon [Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, pegawai-pegawai *ex-officio* PAC Parlimen. *Assalamualaikum*, selamat petang dan salam sejahtera.

Bersama-sama dengan saya pada petang ini untuk pembentangan terhadap syor-syor laporan PAC berhubung Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net) adalah di kanan saya ialah Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri dan di sebelah kiri saya ialah Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah MAMPU; Yang Berusaha Encik John Patrick Antonysamy, Timbalan Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta serta pegawai-pegawai dari Kementerian Kewangan Malaysia, JPM, MAMPU dan UKAS.

Penemuan berhubung perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net) merupakan sebahagian isu yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2. Susulan daripada itu, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen telah memutuskan untuk membawa isu ini ke prosiding PAC Parlimen sebanyak dua kali iaitu dalam prosiding Bilangan 10 dan 10A tahun 2021 pada 23 November 2021. Seterusnya laporan PAC telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022 dan terdapat tiga syor yang telah dikemukakan oleh PAC Parlimen dan berkehendakkan tindakan susulan diambil oleh pegawai pengawal selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304(b).

Laporan tindakan susulan interim bagi isu ini telah dikemukakan kepada Yang Berhormat Pengerusi PAC pada 25 April 2022. Sehubungan dengan itu, pada petang ini, MOF bersama-sama JPM dan juga MAMPU akan menyampaikan taklimat ringkas kepada ahli-ahli PAC berhubung tindakan susulan yang telah dan sedang diambil berkaitan isu ini. Syor-syor PAC seperti dipaparkan di skrin, secara ringkasnya kesemua tiga syor masih dalam tindakan oleh pihak MAMPU seperti berikut.

Pertamanya, untuk syor yang pertama iaitu bagi menilai keberkesanan MyGov*Net, dimaklumkan bahawa pihak MAMPU telah melantik perunding bertauliah dan melaksanakan kajian-kajian yang berkaitan. Maklum balas yang diperoleh termasuklah daripada pengguna amat positif dan MyGov*Net juga telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Bagi syor kedua, kerajaan menyambut baik saranan PAC untuk melaksanakan konsep *Pay-Per-Use* sekiranya ia lebih menguntungkan kerajaan untuk jangka masa yang panjang. Memandangkan kerajaan telah mengiktiraf *internet* sebagai utiliti ketiga, pihak MAMPU akan melaksanakan kajian lanjut mengenai perkara ini dengan penglibatan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) selaku *regulator*.

Untuk syor yang ketiga pula, berkaitan pemerkasaan MAMPU sebagai satu Jabatan Teknikal ICT adalah selari dengan hasrat kerajaan bagi mewujudkan agensi digital sektor awam seperti yang digariskan dalam Pelan Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan.

Untuk itu, penjelasan lanjut berkaitan ketiga-tiga syor ini akan dibentangkan oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah MAMPU. Namun sebelum itu, izinkan saya untuk menjemput Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail, TKSU (Pengurusan) JPM bagi memulakan pembentangan.. Saya juga Yang Berhormat Tuan Pengerusi memohon kebenaran Yang Berhormat Tuan Pengerusi, untuk saya *excuse* untuk menghadiri dua lagi *meeting* di Parlimen juga pada jam 3.00 petang. Wakil MOF masih ada di sini. Saya akan *join* sehingga pukul 3.00 petang kalau dibenarkan oleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih Datuk Seri KSP. Dibenarkan.

Datuk Seri Asri bin Hamidon: Terima kasih.

Datuk Mohammad bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Seri Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan; Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Ahli-ahli PAC; pegawai-pegawai ex-officio PAC Parlimen; serta tuan puan pegawai daripada Parlimen, Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, MAMPU dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada pihak PAC kerana memberi peluang kepada JPM dan MAMPU untuk pembentangan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal

Terhadap Syor-syor Laporan PAC Berhubung Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net). Hadir bersama saya pada petang ini ialah Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah MAMPU; Yang Berusaha Dr. Nor'ashikin binti Ujang, Pengarah Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT; dan Puan Hamidah binti Mat Saat@Abas, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT; serta ahli pasukan.

Sedikit latar belakang untuk Yang Berhormat Ahli PAC sekalian, perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan atau lebih dikenali sebagai MyGov*Net adalah perkhidmatan rangkaian telekomunikasi yang menyediakan infrastruktur talian yang khusus dan selamat kepada agensi Kerajaan Persekutuan untuk membuat capaian kepada sistem aplikasi intranet dan juga *internet*. MyGov*Net diuruskan secara berpusat oleh MAMPU melalui perjanjian konsesi jangka panjang bermula pada 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2022. Dengan adanya perkhidmatan MyGov*Net, sistem aplikasi di agensi Kerajaan Persekutuan dapat digunakan dan seterusnya menyokong agenda pendigitalan negara dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat. Perkhidmatan MyGov*Net adalah bergantung kepada ketersediaan infrastruktur rangkaian telekomunikasi di lokasi yang disediakan oleh syarikat telekomunikasi di negara kita.

Sehingga kini, MyGov*Net menyediakan 10,017 talian *wide-area network* (WAN) dan *internet* kepada semua kementerian dan 201 agensi yang melibatkan 10,794 lokasi premis kerajaan termasuk kepada badan berkanun persekutuan di bawah saraan kementerian serta pihak berkuasa tempatan (PBT). MyGov*Net juga merangkumi *Putrajaya Campus Network* (PCN) yang meliputi 95 agensi di 73 bangunan di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya dan turut diperluaskan ke 16 talian integrasi di semua pejabat SUK negeri serta turut digunakan oleh 36 pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri.

■1450

Dengan izin Tuan Pengerusi, penjelasan lanjut mengenai maklum balas laporan tindakan susulan akan dibentangkan oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah MAMPU, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, dipersilakan Datuk Seri.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail [Ketua Pengarah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Ahli-ahli PAC; Yang Berbahagia Datuk Seri Asri bin

Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan; Yang Berbahagia Datuk, Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Maklum balas MAMPU terhadap syor PAC yang pertama iaitu kerajaan perlu menilai keberkesanan MyGov*Net dalam sistem penyampaian kerajaan sebelum membuat keputusan sama ada hendak menaik taraf sistem sedia ada atau digantikan dengan satu sistem baharu setelah pengakhiran kontrak pada hujung tahun ini. MyGov*Net terbukti keberkesanannya dengan hasil pencapaian melalui tiga perkara berikut Yang Berhormat.

Pertama, kajian impak perkhidmatan MyGov*Net. Kerajaan telah melaksanakan kajian impak setiap tiga tahun sepanjang tempoh konsesi iaitu pada tahun 2015, 2018 dan 2021. Hasil kajian mendapati MyGov*Net membantu agensi kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan kepada rakyat, menyokong usaha pendigitalan dan meningkatkan produktiviti agensi tanpa gangguan kepada perkhidmatan kritikal. Kajian impak MyGov*Net dilaksanakan oleh pihak ketiga iaitu IDC Market Research Malaysia pada tahun 2018 dan 2021 yang terkini Yang Berhormat.

Kajian impak MyGov*Net terkini dilaksanakan pada tahun 2021 memfokuskan kepada tiga skop utama iaitu *service effectiveness*, *capabilities* dan *network service performance and security*.

Responden adalah melibatkan 328 orang pegawai di agensi kerajaan yang terdiri daripada pengarah, setiausaha bahagian, pengurus ICT, pentadbir rangkaian, pasukan projek kerajaan dan syarikat konsesi sendiri. Kesemua mereka telah mengemukakan respons secara dalam talian, manakala 20 orang telah ditemu duga secara bersemuka. Secara keseluruhannya MyGov*Net telah menunjukkan peningkatan kepada prestasi kelajuan dan keselamatan rangkaian yang menjadi keutamaan kepada agensi dan juga kementerian. Hasil kajian mendapati skor untuk penilaian prestasi meningkat dari 4.9 pada tahun 2018 kepada 5.2 pada tahun 2021. Ini skor dia Yang Berhormat di antara kosong hingga tujuh. Makna kita dapat 5.2. Manakala bagi skor penilaian prestasi keselamatan MyGov*Net ia meningkat daripada skor 4.5 pada tahun 2018 kepada 5.6 pada 2021.

Seterusnya hasil kajian mendapati MyGov*Net membantu agensi kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan pada rakyat, menyokong usaha pendigitalan dan peningkatan produktiviti agensi tanpa gangguan kepada perkhidmatan kritikal. Kerajaan juga mendapati MyGov*Net mencapai *service level agreement (SLA)* yang cemerlang dengan hampir tiada *down time* dan sentiasa bersedia dengan bantuan 24/7 sekiranya diperlukan jika berlaku kerosakan.

Ia di sokong oleh prestasi kelajuan dan keselamatan MyGov*Net yang berada di tahap cemerlang dan terus meningkat daripada segi perbandingan dengan penemuan kajian impak yang telah dijalankan pada 2018.

Perkara kedua adalah daripada segi kajian kepuasan pengguna. Selain daripada kajian impak, kerajaan juga melaksanakan kajian kepuasan pengguna, *customer satisfaction index* (CSI) pada setiap tahun bagi mengukur tahap kepuasan dan pengalaman pengguna menggunakan perkhidmatan MyGov*Net. Kajian kepuasan pengguna dilaksanakan oleh pihak ketiga iaitu Kantar TNS iaitu ia dikenali sebagai TRI*M, (*manage, measure and monitor*) dan kemudian oleh Nielsen, *net promoter score* (NPS). Dua kajian yang dibuat Yang Berhormat ya.

Berdasarkan penilaian indeks menggunakan metodologi TRI*M, telah terbukti perkhidmatan MyGov*Net mempunyai prestasi stabil pada setiap tahun. Kajian yang telah dilaksanakan sejak 2013 hingga 2019 adalah menggunakan teknologi TRI*M dan seterusnya menggunakan teknologi NPS pada tahun 2020 sehingga kini. NPS adalah matriks penyelidikan pasaran yang telah digunakan secara meluas oleh perunding seluruh dunia bagi mengukur tahap kepuasan pelanggan atau pengguna. Ia telah diguna pakai lebih daripada 114 syarikat telekomunikasi meliputi 75 negara termasuk juga syarikat telekomunikasi di Malaysia seperti Maxis, Celcom, TIME, Axiata dan Digi.

Secara keseluruhannya sepanjang 10 tahun pelaksanaan tahap kepuasan pengguna ke atas pematuhan *governance* adalah amat memuaskan. Indeks untuk tahun 2020 dan 2021 adalah melebihi purata peringkat global berdasarkan penandaarasan NPS.

Perkara ketiga adalah berkaitan dengan lawatan verifikasi MyGov*Net di Sarawak melibatkan tujuh agensi kerajaan. Bagi membuktikan keberkesanan penggunaan sistem aplikasi kerajaan dalam MyGov*Net, lawatan verifikasi telah diadakan di tujuh lokasi di Kuching Sarawak pada 30 Jun 2022. Tujuan lawatan verifikasi adalah untuk membuktikan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan melalui penggunaan sistem aplikasi kerajaan dicapai melalui perkhidmatan MyGov*Net. Delegasi lawatan terdiri daripada empat orang pegawai daripada MOF, seorang daripada Sekretariat PAC dan diikuti oleh tiga orang pegawai dari MAMPU.

Sebanyak tujuh lokasi agensi Kerajaan Persekutuan di Kuching Sarawak telah dipilih sebagai lokasi lawatan iaitu Bangunan Sultan Iskandar untuk perkhidmatan konsolidasi iaitu Pejabat MAMPU Sarawak, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Pejabat Perbendaharaan Malaysia Sarawak dan empat di

Pusat Transformasi UTC Kuching iaitu Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Klinik Kesihatan UTC dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Secara keseluruhannya pengguna telah mengesahkan keberkesanan penggunaan perkhidmatan MyGov*Net di perkhidmatan masing-masing dan berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah dibekalkan. Mengenai hala tuju yang dicadangkan oleh pihak PAC, seperti yang telah dimaklumkan Yang Berhormat sebelum ini perjanjian konsesi MyGov*Net akan tamat pada 30 Disember nanti.

Hala tuju kerajaan adalah mengekalkan perkhidmatan *MyGov*Net* dengan perolehan secara pembidaan- Terima kasih Datuk Seri.

[Datuk Seri Ketua Setiausaha Perbendaharaan meninggalkan bilik Jawatankuasa satu]

Kami mencadangkan perolehan secara tender terbuka RFP, *request for proposal* berdasarkan konsep konsesi jangka panjang selama 10 tahun. Hala tuju adalah berdasarkan kepada Panduan Pelaksanaan Rangka Kerja Kerjasama Awam Swasta 3.0 oleh UKAS bertarikh 9 Jun 2022. Mengenai hala tuju selepas...

Tuan Pengerusi: Okey, Datuk Seri sedikit penjelasan. Balik pada slaid sebelum itu. Okey, ini adalah berkenaan dengan kontrak yang akan tamat pada Disember 2022. Bolehkah kami sahkan siapakah yang— nama syarikat yang bertanggungjawab untuk konsesi ini setakat Disember 2022 dan selepas itu sama ada syarikat tersebut dibenarkan untuk memasuki semula secara *open tender* atau tidak.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Syarikat konsesi sedia ada Tuan Pengerusi adalah GITN Sdn. Bhd. iaitu syarikat milik penuh Telekom Malaysia. Mereka juga diberi peluang untuk memasuki tender nanti lah.

Okey, Tuan Pengerusi saya teruskan Yang Berhormat ya? Okey. Perkhidmatan MyGov*Net adalah *project public private partnership* sebelum ini yang dilaksanakan secara penswastan berkonsepkan BOO (*build, operate and own*) di mana kerajaan tidak membeli sebarang aset peralatan rangkaian tetapi menerima dan menggunakan perkhidmatan daripada pembekal perkhidmatan melalui kaedah sewaan perkhidmatan. Sehingga kini kami telah mencadangkan kepada kerajaan melalui Memorandum Jemaah Menteri, Tuan Pengerusi untuk kita meneruskan konsesi ini untuk selepas tahun 2022 dan telah membentangkan Kertas Jemaah Menteri kepada Kabinet minggu lepas.

■1500

Sehingga kini kami masih belum mendapat apa-apa keputusan rasmi daripada Jemaah Menteri mengenai hala tuju projek ini Yang Berhormat. Kami

cadangkan dibuat secara *request for proposal* (RFP) tender terbuka. Jadi, kita tunggu keputusan daripada Jemaah Menteri ya Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ada *estimated time* tidak bila?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: *Estimated time*?

Tuan Pengerusi: *Estimated time* untuk diluluskan oleh MJM.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: *Meeting* itu telah berlaku *last week* Yang Berhormat. Sekarang kita menunggu minit, pengesahan minit daripada Jemaah Menteri.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Okey Yang Berhormat. Mengenai syor kedua PAC. Pihak kerajaan menyambut baik syor PAC sekiranya konsep *Pay-Per-Use* ini lebih ekonomi, *cost effective* dan menguntungkan kerajaan untuk jangka panjang. Konsep ini akan diperkenalkan dalam perjanjian konsesi yang baharu nanti. Ini kita akan mengambil kira dalam konsesi yang baharu nanti Yang Berhormat ya. Okey, *thank you*.

Ketiganya, Yang Berhormat mengenai pemerksaan MAMPU sebagai Jabatan Teknik. Ini akan kami tumpukan kepada perubahan peranan dan tadbir urus perolehan ICT di sektor awam. Penambahbaikan landskap ICT turut melihat keperluan pengurusan landskap, pengurusan projek dan perolehan ICT yang lebih menyeluruh bagi memastikan pelaburan kerajaan memperoleh *value for money* dengan pemantapan penyediaan spesifikasi teknikal, penyelesaian digital yang menyeluruh dan pengurusan kontrak yang meliputi kepentingan kerajaan serta penguatkuasaan tindakan punitif.

Bagi melaksanakan peranan tersebut di bawah kuasa Jabatan Teknikal ICT, beberapa perubahan kuasa oleh MOF kepada MAMPU perlu dilaksanakan. Antaranya pindaan terhadap Arahan Perbendaharaan 182 iaitu mengenai peranan Jabatan Teknikal bagi projek ICT, AP 287 – kelulusan teknikal projek ICT dan pindaan kepada PK2.1 berkaitan Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan.

Manakala perubahan pendekatan pengurusan bajet digital ICT berpusat di Jabatan Teknikal perlu untuk menyokong pelaksanaan perolehan yang lebih tangkas dan bersepadu. Perubahan ini akan melibat penurunan kuasa kepada MAMPU untuk berperanan sebagai Pegawai Pengawal.

Untuk makluman Yang Berhormat, satu pembentangan telah dibuat oleh MAMPU kepada JPA pada 4 April 2022 dan sebagai gerak kerja awal MAMPU telah diminta oleh JPA untuk melaksanakan projek *pilot* mengenai pelaksanaan projek Jabatan Teknik ini dan kami telah memilih iaitu Projek Pengkomputeran Awan yang

telah— sebagai salah satu projek *pilot* yang akan dan sedang kami laksanakan sekarang dan akan dibentangkan kepada JPA dalam tempoh yang terdekat.

Manakala bagi MOF pula mereka telah memberi respons kepada MAMPU pada 14 Julai 2022 yang mana MOF meminta MAMPU memperjelaskan kaedah pelaksanaan perolehan dan implikasi kepada perjawatan. Ini juga akan kami bentangkan pada MOF nanti dalam tempoh yang terdekat. Jadi, status pelaksanaan Jabatan Teknik ini untuk pengetahuan Yang Berhormat juga akan dilaporkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan juga Jawatankuasa Teknikal Majlis Digital Negara.

Jadi, itu sahaja Yang Berhormat penjelasan daripada MAMPU mengenai tiga syor yang dicadangkan oleh PAC. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Datuk Seri. Ada soalan daripada ahli-ahli sekalian? Mungkin saya mulakan dulu, Datuk Seri. Tadi kita dengar bahawa mesyuarat MJM telah diadakan minggu lepas dan sekarang pihak MAMPU sedang menunggu minit daripada MJM untuk meneruskan mengambil tindakan yang seterusnya.

So, katakanlah MJM meluluskan kertas yang dicadangkan tersebut dengan satu *open tender* dan *request for proposal*, memandangkan kontrak asal akan tamat pada 30 Disember 2022. So, berapa lama masa yang dijangka akan diambil bagi pelantikan pihak konsesi baharu? Itu satu.

Nombor dua, berapa lama dijangka perjanjian formal dapat ditandatangani? Ini kerana setiap kali apabila PAC meneliti kes-kes pemberian kontrak oleh kerajaan, ada kes-kes yang melibatkan bahawa setelah kontrak berjalan— *I mean* setelah konsesi berjalan bertahun-tahun, perjanjian formal masih belum lagi disediakan ataupun dimuktamadkan. So, bagaimana kita mengambil usaha untuk memastikan perkara-perkara tersebut tidak berlaku?

Nombor tiga adalah berkenaan dengan pada masa interim. So, katakan sekarang Disember 2022 kontrak tamat. So, sama ada pelantikan konsesi baharu itu sempat dilantik sebelum penamatan tersebut. Sekiranya tidak sempat, so apa yang akan berlaku dengan *the ongoing* perkhidmatan yang sedang dijalankan?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jawab soalan nombor tiga dahulu Yang Berhormat, yang interim. Memang dalam *Cabinet paper* yang kami *present* ke Jemaah Menteri *last week* itu Yang Berhormat memang kita pohon daripada Jemaah Menteri untuk kita jika proses konsesi yang baharu ini tidak sempat ditandatangani dan kita minta Jemaah Menteri untuk bagi tempoh satu tahun untuk kita laksanakan interim dengan konsesi yang sedia adalah. Jadi ini

akan— *based on* nasihat daripada Jabatan Peguam Negara, akan ada satu kontrak baharu dengan syarikat GITN untuk lantik secara interim, Yang Berhormat.

Keduanya dari segi tempoh untuk kita melantik. *Time* begitu kritikal sekarang Yang Berhormat sebab selepas kita dapat kelulusan daripada Jemaah Menteri, kita perlu pergi kepada *value management lab* di EPU yang akan dan seterusnya UKAS akan mengendalikan dari segi melihat keperluan *business* dan juga teknikal projek ini. *For sure* ini akan mengambil masa Yang Berhormat. Oleh sebab bagi kami, kami melihat projek ini projek sedia ada dan keperluan teknikal dan *business* itu rasanya kita telah faham. Kalau syarikat baharu nanti beri kerjasama, kami rasa kami boleh siap dalam tempoh enam bulan, Yang Berhormat.

Untuk tandatangan konsesi baharu macam Yang Berhormat sebut tadi terlalu lama dan bersama saya hari ini pun ada Encik John Patrick Antonysamy daripada UKAS. Okey, Encik John Patrick Antonysamy boleh jawab soalan Yang Berhormat tentang tempoh untuk kita tandatangan konsesi baharu nanti.

Encik John Patrick Antonysamy [Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan II), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)]: Terima kasih Datuk. Yang Berhormat, dalam pelaksanaan tugas di UKAS, penyediaan dokumen RFP kadang-kadang ambil masa dalam tempoh enam bulan. Dokumen RFP kita kena masuk melalui VM dan kita kena dapatkan semakan sah dan teratur oleh Jabatan Peguam Negara. So, selepas itu kita akan *float* dan pembida berjaya akan dipilih iaitu kita akan bantangkan memorandum Jemaah Menteri dahulu sebelum pembida tersebut dilantik.

So, dalam projek-projek PPP memang syarikat tidak dibenarkan melaksanakan projek dahulu dan tandatangan kemudian. Dalam projek PPP kita kena melaksanakan *cashflow analysis* dan bila perjanjian ditandatangani, kita ada *condition precedent* (CP) *period* di mana kita akan semak syarikat punya *financing*, kewibawaan *financing* dan *so on*. *Then*, baru kita ada tarikh pelaksanaan atau *effective date* untuk *agreement* tersebut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yes, sila Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Datuk Seri. Saya ada satu soalan iaitu *slide* sebelum ini, poin satu.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Sebelum?

Puan Wong Shu Qi: Ya, sebelum. Ya, *slide* poin satu ada sebut bahawa dengan pelaksanaan *contract system panel* itu dapat mengelakkan berlaku *vendor driven* khasnya menumpukan perolehan bagi sistem ICT. Boleh bagi lebih terperinci

atau tidak bagaimana sistem ini dapat mengatasi masalah yang sering berlaku ini. Bagaimanakah ia berfungsi?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya, sebelum ini Yang Berhormat saya ingat saya dah *explain* dalam *last* PAC juga kalau Yang Berhormat masih ingat. Sekarang ini peranan MAMPU dalam pelaksanaan projek ICT projek sektor awam Yang Berhormat, kami ini di peringkat akhir. Bila projek dah dapat, kementerian dapat bajet daripada MOF dan bila mereka hendak tender, baru dihantarkan kepada MAMPU. Kami di MAMPU kami ada Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA). Di situ baru ada penglibatan MAMPU.

■1510

Padahal sebelum daripada itu MAMPU tidak terlibat dari pada segi projek *ending session*, daripada segi menentukan BQ, kami tidak terlibat. Jadi di bawah Jabatan Teknik kami cadangkan ini, kami minta kuasa yang sama macam JKR, Yang Berhormat. JKR dia terlibat daripada awal untuk penentuan projek itu untuk dilaksanakan oleh kementerian. Jadi kami harapkan dengan penglibatan MAMPU daripada awal tidak akan berlaku pertindihan projek yang mana kita boleh *share* dengan jabatan lain kita akan *shared services*, yang mana isu-isu yang di luar katalah mana isu-isu yang ada isu-isu pembaziran, kita boleh *determine* daripada awal dan MAMPU akan *centralize especially* daripada segi keperluan teknikal projek. Itu Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Sibuti nanti.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Terima kasih. Datuk Seri saya hendak bertanyakan mengenai *feedback* ataupun verifikasi yang dilakukan mengenai kepuasan dan beberapa perkara yang dikaji tadi itu. Daripada skor tujuh itu, skor yang adalah antara 5.2 bagi kelajuan dan 5.6 keselamatan, ini setelah hampir sembilan tahun ya projek ini ataupun program ini berlangsung dan disebut sebagai tinggilah. Jadi adakah ini *a standard* punya penilaian prestasi dan *I would assume at the end of the term* itu *after 10 years* kita *aspect a higher score* lah walaupun *range* itu dalam *range* yang tinggi tetapi 5.6 daripada tujuh itu, adakah itu *a good achievement* pada pandangan MAMPU ataupun kita boleh *improve* lagi *on that*.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Dia dalam perjanjian konsesi *mainly services* ini Yang Berhormat perkara yang paling penting yang MAMPU tekankan *service level agreement (SLA)*. Dalam perjanjian konsesi maknanya kita tetapkan bahawa SLA *service* yang diberikan kepada kerajaan mesti paling kurang 99 peratus.

Akan tetapi daripada segi realiti kita capai 99.9 peratus Yang Berhormat, *almost perfect*. Maknanya jabatan kerajaan mendapat internet yang berkualiti daripada syarikat konsesi, itu paling utama.

Daripada segi kepuasan, daripada segi fungsi kelajuan itu daripada segi teknikalnya *of course* dia akan menyumbangkan kepada *service level* tadi Yang Berhormat. Begitu juga daripada segi keselamatan. Banyak usaha pencerobohan. Berapa kali Puan Hamidah pencerobohan yang ada usaha daripada pihak luar? *[Bertanya kepada pegawai MAMPU, Puan Hamidah binti Mat Saat@Abas]*

Banyak, banyak Yang Berhormat. Akan tetapi dengan sistem keselamatan yang kita masukkan dalam MyGov*Net ini tidak ada dapat *penetration* daripada penceroboh-penceroboh kepada sistem internet kerajaan. Jadi kita melihat bahawa sistem yang kita ada sekarang ini yang kita *propose* pada *government*, kepada jabatan kerajaan maknanya berada dalam tahap yang tinggi dan cemerlanglah Yang Berhormat kami katakan.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Susulannya kalau kita memperbaharui tender yang akan datang ini, kenapa kita memohon *request for proposal* sedangkan kita sudah ada satu standard yang kita hendak tetapkan kepada mereka yang membuat pembidaan atau macam mana.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Yang Berhormat hendak *recommend continue* dengan konsesi yang ada ya?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Bukan. Bukan konsesinya itu dia punya parameternya semua dah ada.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Tidak ada Yang Berhormat. Ya, sama. Dia macam ini Yang Berhormat. Oleh sebab kita dulu persepsi mengatakan pelantikan syarikat GITN ini secara *direct nego*, rundingan terus bukan secara tender. Pernah dibangkitkan juga oleh beberapa Ahli Parlimen ini merupakan monopoli, sebab itu kita cadangkan kepada kerajaan supaya kita *break the monopoly* dan kita buat secara tender terbuka untuk menunjukkan ketelusan dalam sistem kerajaan kita. Itu tujuan utama. Akan tetapi daripada segi skop, daripada segi dia punya *spec* kita *maintain*, Yang Berhormat.

Dengan teknologi yang terbaharu ini *for sure team* teknikal MAMPU akan minta *company propose the best technology* kepada *government* lah macam dipraktikkan di negara-negara maju Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Mungkin saya tidak faham daripada segi *spec* ini. Maksud saya itu *spec* nya kita dah tetapkan. Akan tetapi bila

kita kata *request for proposal* itu daripada syarikat-syarikat yang ingin membida ini maksudnya apa? Dia hendak bawa apa lagi?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Kita beri secara *general, spec* itu MAMPU akan beri secara *general, company* yang akan *propose the best technology* kepada kita Yang Berhormat. Jadi *the best technology and the best financial* itu yang kita akan lantik nanti. Okey.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tuan Pengerusi saya hendak tambah sikit berkenaan tentang *on the future planning* dan juga tender konsesi untuk 10 tahun dengan ke depan. Saya berpandangan agar di dalam klausa-klausa tender nanti ataupun kontrak yang akan ditandatangani bersama dengan konsesi perlulah untuk melibatkan berkenaan tentang perkara-perkara *obsolete technology within three years* ataupun *six years*. Oleh sebab teknologi ini kalau dalam sudut IT ini dia sangat cepat *obsolete*.

Begitu juga adakah MyGov*Net ini akan mempertimbangkan *on future* ataupun meluaskan perkhidmatan ini ke kawasan-kawasan luar bandar. *My concern is* kalau kita tengok dalam Program JENDELA, *point of preference* banyak dilebarluaskan di kawasan luar bandar. Adakah MyGov*Net ini akan terlibat sama? Begitu juga kalau kita lihat dalam isu berkaitan dengan Kementerian Kesihatan terdapat *circular* yang telah mengeluarkan bahawa setiap pembayaran akan melibatkan pembayaran secara atas talian dan juga menggunakan *QR Code* ataupun *DuitNow*. *Is it* klinik-klinik kesihatan yang terletak di kawasan pinggir bandar dan juga luar bandar ataupun pekan-pekan kecil bersedia? Adakah MyGov*Net akan *support this kind of policy* yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Begitu juga saya faham keperluan untuk kita buat tender secara terbuka dan juga kemungkinan GITN akan memperoleh semula memandangkan mereka yang berkemampuan dan juga TM lah yang merupakan ataupun macam pemegang spektrum ataupun *bandwidth* ini. *So, they have an advantage* cuma kita hendak mempertingkatkan dan adakah sistem MyGov*Net ini selaras dengan perkembangan teknologi, contohnya 5G, IoT dan juga tadi saya tengok MAMPU akan cuba untuk *pilot project for Cloud*.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: *Cloud*.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Saya menyokong tetapi *my concern is* keselamatan supaya kerajaan dapat menitikberatkan berkenaan tentang keselamatan dan juga kadang-kadang banyak juga serangan-serangan daripada *hackers* dari luar dan juga kadang-kadang serangan-serangan tersebut bukanlah

bersifat, berniat untuk merosakkan itu tetapi lebih bersifat emosi. *So, we need to be ready lah security ready*lah untuk sistem MyGov*Net ini.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Banyak soalan Yang Berhormat ya. Saya tulis ini lima Yang Berhormat. *[Ketawa]* Okey daripada segi teknologi Yang Berhormat, dalam perjanjian konsesi yang kita *sign* dengan GITN sebelum ini, apa yang *concern* pada *government* adalah SLA dia. *Service level agreement* dia kepada *government* dia kena capai minimum *99 percent*. Jadi *technology refresh of course* akan berlaku *from time to time* Yang Berhormat. Mengikut *normal practice* daripada segi ikut pakar IT kami setiap lima tahun. Setiap lima tahun akan berlaku *technology refresh*. Itu akan berlaku. Cumanya yang kami monitor sekarang daripada segi *service level* dia. Kalau *service level* dia tidak capai kita akan penalti dia *through LAD* lah Yang Berhormat.

Untuk kawasan luar bandar memang kita *cover* semua termasuk Sabah dan Sarawak Yang Berhormat di bawah kita punya MyGov*Net ini. Ini termasuklah sekolah dan hospital. Jadi memang kita bersedialah kalau bila Kementerian Kesihatan dah *announce* bulan Oktober nanti akan *cashless* di semua klinik kerajaan, memang klinik kerajaan kita *supply* kan dengan internet Yang Berhormat dan juga di pusat-pusat tanggungjawab sekolah. Cuma sekolah sahaja isu sekarang ini *especially* di kawasan *remote*. Masih belum ada lagi yang dibuat dengan 1BestariNet dulu dia pun sekarang ini tidak meliputi semua sekolah. Inilah projek dalam pertimbangan kerajaan sekaranglah.

Daripada segi kalau GITN akan dapat lagi, *of course infra* ICT di Malaysia ini *belongs to* Telekom. Jadi memang *government* kita di MAMPU sendiri pun memang kita di bawah MyDigital, MAMPU sebagai sekretariat kepada kluster kerajaan, memang kita *champion* tentang 5G dan IoT ini Yang Berhormat. Itu akan diambil kira di jabatan kerajaan. Daripada segi keselamatan, *of course*, memang kita selalu bila jabatan kerajaan *submit* dia punya permohonan untuk buat *new system* di jabatan, salah satu elemen utama masa JTISA, kami menilai sebelum mereka tender itu daripada segi keselamatan sistem Yang Berhormat.

■1520

Cuma kadang-kadang *hackers* ini dia lebih ke depan daripada kita. Jadi, sebab itu kita perlukan juga pegawai kerajaan ini lebih ke depan juga dari segi *knowledge*. Tentang keselamatan itu ada di Majlis Keselamatan Negara dengan CyberSecurity Malaysia (CSM) yang akan bantu kerajaan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ada lagi? Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Betulkan dalam dokumen itu ada dua tempat disebut. Satu 31 Disember, satu 30 Disember.

Tuan Pengerusi: Tarikh tamat dia bila Datuk Seri?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: 31 Disember Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: 31.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Jadi, yang ini kena betul.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Minta maaf. Mengantuk itu.

Tuan Pengerusi: Okey. *[Ketawa]* Datuk Seri, soalan dari saya ya. Dalam laporan PAC kita ada merumuskan dan juga ini merupakan isu teguran daripada pihak audit iaitu Jawatankuasa Pemantau Kontrak adalah kurang berkesan dalam memastikan pengurusan kontrak MyGov*Net berjalan dengan lancar. Bidang kepakaran keahlian jawatankuasa-jawatankuasa pemantau kontrak adalah tidak menyeluruh serta kekurangan penyelarasan antara kesemua jawatankuasa yang terlibat menyebabkan pemantauan kontrak adalah tidak *efficient*.

So, saya hendak tanya di sini apabila kontrak baharu bakal ditandatangani, apakah usaha yang akan diambil oleh pihak MAMPU untuk memastikan bahawa segala kerja-kerja pemantauan kontrak adalah diselaraskan dengan baik dan juga keahlian jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah mereka yang mempunyai kelebihan ataupun kepakaran masing-masing.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Untuk soalan ini Yang Berhormat, saya minta *project owner* Puan Hamidah tolong bantu dari segi operasi kontrak, okey.

Puan Hamidah binti Mat Saat@Abas [Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)]: Terima kasih Datuk Seri. Saya Hamidah, selaku pengurus projek MyGov*Net di pihak kerajaan. Okey, untuk tujuan pemantauan kontrak, pada masa sekarang kita ada beberapa tadbir urus. Yang paling bawah adalah di pihak pengurusan projek, keahlian pasukan projek. Seterusnya kita ada jawatankuasa teknikal projek yang mana kita membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan teknikal dalam jawatankuasa ini. Seterusnya kita ada Jawatankuasa Pemandu.

So, di sini kita nampak untuk pemantauan projek kita akan tambah baik dari segi keahlian yang mana pada masa sekarang kita telah ada beberapa agensi di dalam jawatankuasa kita. So, untuk menyahut baik cadangan daripada pihak PAC. Kita akan mempelbagaikan lagi kepakaran di beberapa agensi lain yang merupakan juga pengguna kepada talian MyGov*Net. Itu cadangan kita, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, so kena pastikan ia dilaksanakan. Terima kasih. Okey, ada soalan-soalan lanjut daripada ahli-ahli sekalian? Yang Berhormat Papar, sila.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ya, saya dari Sabah. Saya ingin juga hendak bertanya berkenaan dengan kajian kepuasan pengguna terutamanya di Sabah. Adakah kita pernah membuat verifikasi di negeri Sabah berkenaan dengan MyGov*Net ini?

Puan Hamidah binti Mat Saat@Abas: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk lawatan verifikasi yang pertama kita buat bersama pihak PAC ini adalah untuk yang di Sarawak. Akan tetapi di dalam *customer satisfaction index* dan juga kajian impak, responden adalah terdiri daripada semua negeri pengguna kepada MyGov*Net termasuk Sabah.

Tuan Pengerusi: Okey, untuk tindakan susulan ada soalan lanjut? *It's quite clear?* Okey, jika tidak ada soalan lanjut daripada ahli-ahli sekalian, saya daripada pihak PAC mengucapkan terima kasih kepada Datuk TKSU dan Datuk Seri KP yang telah pun hadir— Datuk Seri KP yang telah pun hadir untuk memberikan laporan tindakan susulan dan maklum balas kepada pihak PAC.

Secara prosedurnya kesemua maklum balas yang diberikan pada hari ini akan dijadikan satu laporan dan dibentangkan. Kita harap ia akan dibentangkan pada minggu hadapan iaitu minggu terakhir sidang kali ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua *ex-officio* dan juga ahli-ahli sekalian. Bagi Ahli-ahli PAC kita akan sambung dengan sesi verifikasi tiga laporan ya, okey. So, mungkin kita *break* untuk lima minit dan sebelum kita sambung. Terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua saksi.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya, terima kasih Yang Berhormat dan Ahli PAC. *Thank you.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.25 petang]



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur

Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)

E-mel: pacparlimen@parlimen.gov.my